



(<https://news.uitm.edu.my/>)

# UiTM News Hub

## (<https://news.uitm.edu.my/>)

Official News Hub for Universiti Teknologi MARA

### Program Bersama Al-Ikhsan Sports Sdn Bhd (CEO@Faculty Programme) @UiTM Perak Kampus Tapah

📅 20/06/2023

(<https://news.uitm.edu.my/%f0%9d%90%8f%f0%9d%90%91%f0%9d%90%8e%f0%9d%90%86%f0%9d%90%91%f0%9d%90%80%f0%9d%90%8c-%f0%9d%90%81%f0%9d%90%84%f0%9d%90%91%f0%9d%90%92%f0%9d%90%80%f0%9d%90%8c%f0%9d%90%80-%f0%9d%90%80%f0%9d%90%8b/>)

👤 Sr Dr. Irwan Mohammad Ali (<https://news.uitm.edu.my/author/admin/>)

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**al-ikhsanSPORTS**

**CEO**  
@KPT

office of  
industry,  
community &  
alumni  
network.

+ICAN

**ROAD TOUR**

**UiTM x**

**AL-IKHSAN**

**SPORTS SDN BHD**

*Educational & Career Talk with*  
*CSR/HR Business Partner, Al-Ikhsan Sports Sdn Bhd*

**ZON**  
**UTARA**

UiTM Perlis, Kampus Arau	13.06.2023
UiTM Kedah, Kampus Sg. Petani	14.06.2023
UiTM Penang, Kampus Permatang Pauh	15.06.2023
UiTM Perak, Kampus Tapah	16.06.2023

[www.ican.uitm.edu.my](http://www.ican.uitm.edu.my)

[www.al-ikhsan.com](http://www.al-ikhsan.com)

**TAPAH, 16 Jun 2023** – Siri jelajah Zon Utara Al-Ikhsan Sports Sdn Bhd (CEO@FACULTY PROGRAMME) kini telah tiba di Zon Utara. Destinasi terakhir bagi zon ini adalah UiTM Cawangan Perak (Kampus Tapah). Program ini telah disertai oleh para mahasiswa dan mahasiswi UiTM Cawangan Perak (Kampus Tapah).

Program ini terdahulu telah dirasmikan oleh Professor Dr. Muhammad Hussain Ismail, Pengarah Pusat Jaringan Industri, Pejabat Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni (ICAN), UiTM. Sesi ini telah dikendalikan oleh Encik Muhammad Alif Ismail (Eksekutif CSR Al-Ikhsan Sdn. Bhd.) bersama pasukan dari Al-Ikhsan Sdn. Bhd. Zon Utara.



Program ini bertujuan untuk memberikan pendedahan dan perkongsian pengalaman kejayaan Al-Ikhsan bertapak dalam bidang perniagaan barangan sukan di Malaysia. Selain itu, pihak Al-Ikhsan juga telah menunaikan tanggungjawab CSR mereka dengan memberikan sumbangan kepada 10 orang terpilih yang terdiri daripada kalangan komuniti sekitar UiTM, staf dan pelajar UiTM. Dalam program ini juga pihak Al-Ikhsan telah memberikan ceramah motivasi dan taklimat kerjaya bersama mereka.

Kolaborasi strategik ini secara tidak langsung diharapkan akan memberikan impak dan manfaat yang positif kepada para peserta untuk terus maju dalam kerjaya. Sudah pasti, ia merupakan persediaan terbaik dalam membentuk graduan UiTM yang bertaraf global.

Semoga lebih banyak program antara Al-Ikhsan dan UiTM akan dapat dilaksanakan selepas ini.

Terima kasih Al-Ikhsan!

Copyright UiTM News Hub. All rights reserved.

[Disclaimer & Copyright | \(https://www.uitm.edu.my/index.php/disclaimer-copyright\)](https://www.uitm.edu.my/index.php/disclaimer-copyright) [Privacy Statement | \(https://www.uitm.edu.my/index.php/privacy-statement\)](https://www.uitm.edu.my/index.php/privacy-statement) [ICT Security Policy](https://ppii.uitm.edu.my/images/pekeliling/universiti/Dasar/DasarKeselamatanICTv2.pdf)

<https://ppii.uitm.edu.my/images/pekeliling/universiti/Dasar/DasarKeselamatanICTv2.pdf>